



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Penyelarasan Pencen 1980
DR.23/1980

Naskah sah—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PENCEN 1980

SUSUNAN FASAL-FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Pemberian pencen terbitan dan elaun bersara terbitan bagi pegawai-pegawai yang bersara di bawah skim lama.
4. Penyelarasan pencen dan lain-lain faedah.
5. Menentukan gaji bersamaan yang akhir diterima.
6. Ubahsuaian pencen terbitan dan elaun bersara terbitan.
7. Formula penyelarasan.
8. Pencen serendah-rendahnya bagi perkhidmatan penuh.
9. Pencen hilangupaya atau elaun bencana.
10. Pencen tanggungan.
11. Pencen tanggungan dan pencen hilangupaya dan elaun bencana sebagai tambahan kepada pencen yang diberikan.
12. Penyelarasan pencen apabila bersara bagi kepentingan negara.
13. Rekod tak cukup untuk menentukan kuantum.
14. Elaun yang dibayar secara tadbir hendaklah terhenti.
15. Pemulihan pencen.
16. Kuasa-kuasa yang akan dijalankan oleh Ketua Pengarah.
17. Peraturan-peraturan.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai penyelarasan pencen dan lain-lain faedah bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan pihak berkuasa berkanun dan tempatan dan tanggungan-tanggungan mereka.

[1hb Julai 1980.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penyelarasan Pencen 1980 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1980.

Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Akta ini hendaklah dipakai di seluruh Malaysia bagi—

(i) pegawai-pegawai yang telah bersara dari perkhidmatan awam dan pihak berkuasa berkanun dan tempatan dan menerima pencen atau lain-lain faedah di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

(ii) tanggungan-tanggungan bagi pegawai-pegawai yang disebut dalam perenggan (i), yang menerima pencen atau lain-lain faedah di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

(iii) tanggungan-tanggungan bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan pihak berkuasa berkanun dan tempatan yang mati semasa berkhidmat, yang menerima pencen atau lain-lain faedah di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan

- (iv) tanggungan-tanggungan bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan pihak berkuasa berkanun dan tempatan yang telah mati semasa berkhidmat atau selepas tarikh persaraan, yang sebelum Akta ini tidak menerima pencen atau lain-lain faedah di bawah mana-mana undang-undang bertulis:

dengan syarat pegawai-pegawai atau tanggungan-tanggungan itu adalah pemastautin di Malaysia.

(3) Walau apa pun peruntukan seksyen-kecil (2), jika seseorang pegawai atau mana-mana dari tanggungan-tanggungan-nya, yang menerima apa-apa pencen atau lain-lain faedah yang telah diselaraskan di bawah Akta ini, terhenti menjadi pemastautin di Malaysia, ia hendaklah dibayar pencen atau lain-lain faedah itu, jika ada, mengikut undang-undang bertulis yang di bawahnya pencen atau lain-lain faedah itu diberi asalnya sebelum penyelarasan pertama yang dibuat di bawah Akta ini.

Tafsiran.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“gaji bersamaan yang akhir diterima” ertinya gaji bersamaan yang akhir diterima sebagaimana ditakrifkan di bawah seksyen-kecil (2) seksyen 5;

“gaji yang akhir diterima” ertinya gaji hakiki bulanan sebenarnya yang akhir diterima yang dibayar kepada seseorang pegawai sebelum ia bersara atau mati, dengan syarat bahawa bagi seseorang pegawai yang menerima apa-apa elaun berpencen, elaun berpencen itu hendaklah menjadi sebahagian daripada gaji yang akhir diterimanya;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

“pegawai” ertinya seseorang pegawai perkhidmatan awam atau seseorang pekerja pihak berkuasa berkanun atau tempatan yang, sebelum ia itu bersara atau mati, telah berkhidmat di Malaysia atau dalam mana-mana wilayah yang sekarang ini menjadi sebahagian dari Malaysia;

“pegawai berpencen” ertinya seseorang pegawai yang telah dimasukkan dalam perjawatan berpencen atau yang telah diberi taraf berpencen atau yang apabila bersara atau mati adalah disifatkan sebagai berpencen di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

“perkhidmatan yang boleh dimasukira” ertinya apa-apa perkhidmatan seseorang pegawai di Malaysia atau dalam mana-mana wilayah yang sekarang ini menjadi sebahagian dari Malaysia yang telah digunakan dalam menghitung pencen atau lain-lain faedah bagi pegawai itu apabila ia bersara atau bagi tanggungan-tanggungan-nya apabila ia mati;

“skel gaji semasa” ertinya skel gaji terbaru sekali yang terpakai bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam dan pekerja-pekerja pihak berkuasa berkanun dan tempatan hasil dari sesuatu penyemakan gaji yang dibuat oleh Kerajaan;

“skim lama” ertinya gaji-gaji dan had-had dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam dan pihak berkuasa berkanun dan tempatan yang sedia ada sebelum mula berkuatkuasanya mana-mana penyemakan gaji dan had-had dan syarat-syarat perkhidmatan yang dibuat oleh Kerajaan atas syor-syor Suruhanjaya Gaji Diraja yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;

“undang-undang bertulis” ertinya mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pencen.

3. (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, pencen terbitan atau elaun bersara terbitan hendaklah kena dibayar kepada balu atau anak-anak, atau kepada balu dan anak-anak jika kedua-duanya masih hidup, seseorang pegawai yang—

(a) bersara, atau

(b) mati dalam perkhidmatan,

di bawah skim lama, dengan syarat balu atau anak-anak itu adalah pemastautin di Malaysia.

(2) Amaun yang kena dibayar di bawah seksyen-kecil (1) hendaklah tertakluk kepada seksyen 6.

Pemberian
pencen
terbitan
dan elaun
bersara
terbitan
bagi
pegawai-
pegawai
yang
bersara di
bawah
skim lama.

Penye-
larasan
pencen dan
lain-lain
faedah.

4. Tertakluk kepada seksyen 8, apa-apa pencen atau lain-lain faedah yang diberi di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebelum pelaksanaan apa-apa jua skel gaji semasa hendaklah diselaraskan berdasarkan formula yang diperuntukkan dalam Jadual Pertama dan amaun sedemikian itu hendaklah kena dibayar mulai dari tarikh pelaksanaan skel gaji semasa itu.

Menentukan
gaji ber-
samaan
yang akhir
diterima.

5. (1) Ketua Pengarah hendaklah menentukan gaji bersamaan yang akhir diterima oleh seseorang pegawai.

(2) Bagi maksud Akta ini, "gaji bersamaan yang akhir diterima" ertinya gaji yang pegawai itu patut terima jika ia bersara atau mati di bawah skel gaji semasa.

Ubahsuaian
mengenai
pencen
terbitan
dan elaun
bersara
terbitan.

6. (1) Mana-mana peruntukan mengenai pembayaran pencen terbitan atau elaun bersara terbitan kepada mana-mana orang yang layak di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah diubahsuai seperti dalam Jadual Kedua.

(2) Jika sesuatu pencen terbitan atau elaun bersara terbitan dibayar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, ianya hendaklah dibayar untuk selama hayat jika penerimanya—

(a) seorang balu atau duda; atau

(b) seorang anak yang cacat otak atau hilangupaya jasmani dan secara kekal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri.

(3) Walau apa pun peruntukan perenggan (a) dan (b) seksyen-kecil (2), jika perkahwinan balu atau duda dengan seseorang pegawai itu telah dilangsungkan hanya selepas persaraan pegawai itu, maka balu atau duda itu, mengikut mana yang berkenaan, atau mana-mana anak dari perkahwinan itu, adalah berhak mendapat pencen terbitan atau elaun bersara terbitan tetapi hanya bagi tempoh tidak melebihi perbezaan antara tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraan dan tempoh persaraan pegawai itu.

(4) Walau apa pun peruntukan seksyen-kecil (2), jika pencen terbitan atau elaun bersara terbitan diberi di bawah mana-mana undang-undang bertulis maka pencen atau elaun itu hendaklah terhenti jika penerima-nya—

(a) seorang balu atau duda, apabila berkahwin;

(b) seorang anak, lain daripada anak yang disebut dalam perenggan (b) seksyen-kecil (2) atau seorang anak di bawah perenggan (c), apabila berkahwin atau apabila mencapai umur dua puluh satu tahun, mengikut mana yang lebih dahulu;

(c) seorang anak yang mendapat didikan di suatu institusi pelajaran tinggi tetapi tidak melebihi pelajaran yang menuju ke ijazah pertama, apabila tamat atau berhenti mendapat didikan itu atau apabila berkahwin, mengikut mana yang lebih dahulu.

7. Formula yang disenaraikan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua hendaklah dipakai bagi apa-apa pencen atau lain-lain faedah yang kena dibayar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dengan syarat bahawa mengenai perkhidmatan dalam angkatan tentera formula penyelarasan hendaklah sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Angkatan Tentera 1972.

Formula
penye-
larasan.

Akta 77.

8. Berkenaan dengan pencen yang telah dikira berdasarkan perkhidmatan yang boleh dimasukir selama tidak kurang daripada dua puluh lima tahun, amaun yang kena dibayar di bawah seksyen ini tidak boleh kurang daripada satu ratus lapan puluh ringgit sebulan atau apa-apa amaun sebagaimana ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa melalui pemberitahu dalam *Warta*.

Pencen
serendah-
rendahnya
bagi per-
khidmatan
penuh.

9. Berkenaan dengan seseorang pegawai yang telah diberi elaun bencana atau pencen hilangupaya di bawah mana-mana undang-undang bertulis, elaun bencana atau pencen hilangupaya itu hendaklah diselaraskan berdasarkan gaji bersamaan yang akhir diterima oleh pegawai itu, dengan syarat bahawa faktor yang terpakai tetaplah tidak berubah.

Pencen
hilang-
upaya atau
elaun
bencana.

Pencen
tanggungan.

10. Apa-apa jua pencen tanggungan yang telah diberi di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah diselaraskan berdasarkan gaji bersamaan yang akhir diterima, dengan syarat bahawa faktor yang terpakai dalam menentukan pencen tanggungan yang asal dalam tiap-tiap satu hal itu tetap tidak berubah.

Pencen
tanggungan
dan pencen
hilang-
upaya dan
elaun
bencana
sebagai
tambahan
kepada
pencen yang
diberikan.

11. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, faedah-faedah yang disebut di bawah seksyen 9 atau 10 hendaklah diberikan sebagai tambahan kepada mana-mana pencen atau lain-lain faedah yang diberikan kepada pegawai itu atau tanggungannya, mengikut mana yang berkenaan.

Penye-
larasan
pencen
apabila
bersara
bagi ke-
pentingan
negara.

12. Walau apa pun peruntukan seksyen 4 dan 6, bagi seseorang pegawai yang telah bersara atas sebab-sebab kepentingan negara dan telah diberikan suatu pencen gantian tetap menurut pilihannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis, pencen pegawai itu hendaklah diselaraskan seperti berikut—

(a) jika pilihan itu adalah bagi pencen gantian tetap penuh, pencen itu hendaklah diselaraskan hanya selepas tamat tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraannya;

(b) jika pilihan itu adalah bagi pencen gantian tetap separuh daripada jumlah pencen yang kena dibayar, pencen yang diselaraskan yang kena dibayar adalah separuh daripada jumlah amaun pencen yang diselaraskan itu; dengan syarat bahawa selepas tamat tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraannya, pencen yang kena dibayar ialah amaun sepenuhnya bagi pencen yang diselaraskan itu.

Rekod tak
cukup untuk
menentukan
kuantum.

13. (1) Jika dalam proses menyelaraskan amaun pencen atau lain-lain faedah di bawah Akta ini, Ketua Pengarah tidak mempunyai rekod-rekod yang mencukupi untuk membolehkannya menentukan amaun pencen atau lain-lain faedah yang kena dibayar di bawah seksyen-seksyen yang terdahulu di atas, amaun yang kena dibayar hendaklah sama dengan lima puluh peratus dari pencen tertinggi sekali yang boleh dibayar

kepada seseorang pegawai yang bersara dalam tingkatan yang setaraf dengannya di bawah skel gaji semasa:

Dengan syarat bahawa jika amaun yang kena dibayar di bawah seksyen ini adalah kurang dari amaun pencen yang sedia ada, seksyen-kecil (2) seksyen 14 hendaklah dipakai.

(2) Bagi maksud seksyen ini, "pencen yang sedia ada" ertinya apa-apa pencen atau elaun bersara yang kena dibayar kepada seseorang pegawai atau tanggungannya semasa pegawai itu bersara atau selepas kematiannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini.

14. (1) Segala elaun yang kena dibayar di bawah perkiraan pentadbiran sebagai tambahan kepada apa-apa pencen atau lain-lain faedah yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah, selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, dengan serta-merta terhenti dibayar.

Elaun yang dibayar secara tadbir hendaklah terhenti.

(2) Walau apa pun peruntukan seksyen-kecil (1), jika amaun pencen atau lain-lain faedah yang didapati daripada pemakaian seksyen 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11 dan 13 adalah kurang daripada jumlah amaun yang sedang diterima, amaun pencen yang telah diselarasakan yang kena dibayar hendaklah sama dengan jumlah amaun yang sedang diterima.

(3) Bagi maksud seksyen-kecil (2), "jumlah amaun yang sedang diterima" ertinya pencen atau lain-lain faedah berserta apa-apa pembayaran lain yang berkaitan yang sebenarnya diterima oleh seseorang pegawai atau tanggungannya sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini.

15. (1) Jika, di bawah mana-mana undang-undang bertulis, seseorang pegawai telah diberikan pencen susutan menurut pilihannya bagi pencen gantian tetap, pegawai itu, setelah tamat tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh ia bersara, adalah layak dipulihkan pencennya; dengan syarat bahawa pemulihan itu—

Pemulihan pencen.

(a) tidak boleh dibuat lebih awal daripada 1hb Januari 1973; dan

(b) tidak boleh terpakai berkenaan dengan sesuatu pencen yang telah dibayar selepas penyelarasan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Jika pencen seseorang pegawai yang disebut dalam seksyen-kecil (1) telah dipulihkan selepas tamat tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh ia bersara tetapi sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, pemulihan tersebut hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat dengan sempurna dan sahny.

Kuasa-kuasa yang akan dijalankan oleh Ketua Pengarah.

16. Segala kuasa di bawah Akta ini hendaklah dijalankan oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya secara bertulis.

Peraturan-peraturan

17. Yang di-Pertuan Agong boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalankan dan menguatkuasakan Akta ini.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 4)

FORMULA PENYELARASAN BAGI PENCEN PERKHIDMATAN DAN ELAUN BERSARA

Jenis Faedah	Formula
1. (a) Pencen perkhidmatan bagi pegawai berpencen	$1/600 \times \text{bilangan bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan (tertakluk kepada tidak melebihi 300 bulan)} \times \text{gaji bersamaan yang akhir diterima.}$
(b) Pencen perkhidmatan apabila bersara disebabkan penghapusan jawatan atau penyusunan semula jawatan	$1/500 \times \text{bilangan bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan (tertakluk kepada tidak melebihi 250 bulan)} \times \text{gaji bersamaan yang akhir diterima.}$
(c) Pencen perkhidmatan apabila bersara bagi kepentingan awam	Sama seperti (a) tetapi tertakluk kepada apa-apa perubahan kadar yang dikenakan oleh Yang di-Pertuan Agong pada masa pemberian pencen itu.
2. Elaun bersara bagi pegawai tak berpencen	$3/4 \text{ dari } [1/600 \times \text{bilangan bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan (tertakluk kepada tidak melebihi 300 bulan)} \times \text{gaji bersamaan yang akhir diterima}].$

JADUAL KEDUA

(Seksyen 6)

FORMULA PENYELARASAN BAGI PENCEN TERBITAN
DAN ELAUN BERSARA TERBITAN

Jenis Faedah	Formula
1. (a) Pencen terbitan bagi tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh yang berikut selepas sahaja tarikh kematian semasa dalam perkhidmatan pegawai itu	$1/600 \times \text{bilangan bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan (tertakluk kepada tidak melebihi 300 bulan)} \times \text{gaji bersamaan yang akhir diterima tetapi tertakluk kepada minimum tidak kurang daripada } 1/5 \text{ daripada gaji bersamaan yang akhir diterima oleh pegawai itu.}$
(b) Pencen terbitan selepas tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh yang berikut selepas sahaja tarikh kematian semasa dalam perkhidmatan pegawai itu	70 peratus daripada amaun seperti dalam (a).
2. Pencen terbitan dalam hal kematian dalam tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraan pegawai itu—	
(a) bagi tempoh tidak melebihi perbezaan di antara tempoh dua belas tahun setengah dengan tempoh persaraan pegawai yang mati itu;	Amaun yang sama seperti pencen perkhidmatan yang diberikan kepada pegawai itu sebelum ia mati.
(b) selepas tempoh yang diperihalkan dalam (a)	70 peratus daripada amaun seperti dalam (a).
3. Pencen terbitan dalam hal kematian selepas tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraan pegawai itu	70 peratus daripada pencen perkhidmatan yang diberikan kepada pegawai itu sebelum ia mati.
4. Elaun bersara terbitan ...	Dilaraskan berasaskan formula yang sama seperti dalam 1, 2 dan 3 di atas tetapi dihadkan kepada $3/4$ daripada amaun sebagaimana ditetapkan dalam tiap-tiap kes.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan membuat peruntukan mengenai penyelarasan pencen dan lain-lain faedah bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam dan pihak berkuasa berkanun dan tempatan dan tanggungan-tanggungan mereka bila-bila sahaja semakan gaji dibuat oleh Kerajaan.

Fasal 1 (2) membuat peruntukan mengenai kategori pegawai yang baginya Rang Undang-undang ini terpakai.

Fasal 3 membolehkan pembayaran sesuatu pencen terbitan dan elaun bersara terbitan kepada pegawai-pegawai yang telah bersara sebelum 1hb Januari 1970.

Fasal 4 menyatakan bahawa apa-apa pencen atau lain-lain faedah yang diberi di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah diselaraskan mengikut formula yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Fasal 5 membuat peruntukan bahawa Ketua Pengarah hendaklah menentukan gaji bersamaan yang akhir diterima oleh pegawai itu.

Fasal 6 membuat peruntukan mengenai ubahsuaian bayaran pencen terbitan dan elaun bersara terbitan.

Fasal 7 menyatakan bahawa formula penyelarasan bagi pencen atau lain-lain faedah (kecuali bagi perkhidmatan angkatan tentera) hendaklah seperti yang dinyatakan dalam Jadual-jadual itu.

Fasal 8 membuat peruntukan mengenai pencen yang serendah-rendahnya bagi perkhidmatan penuh.

Fasal 9 memperuntukkan bahawa apa-apa penyelarasan yang dibuat berkenaan dengan elaun bencana atau pencen hilang-upaya hendaklah berdasarkan gaji bersamaan yang akhir diterima oleh pegawai itu.

Fasal 10 memperuntukkan bahawa apa-apa penyelarasan yang dibuat berkenaan dengan pencen tanggungan hendaklah berdasarkan gaji bersamaan yang akhir diterima oleh pegawai itu.

Fasal 11 mengadakan peruntukan mengenai pemberian pencen tanggungan dan pencen hilang-upaya dan elaun bencana sebagai tambahan kepada pencen atau lain-lain faedah yang diberikan.

Fasal 12 menetapkan cara menyelaraskan pencen bagi pegawai-pegawai yang telah bersara atas sebab-sebab kepentingan negara.

Fasal 13 memperuntukkan cara menentukan kuantum penyelarasan jika rekod-rekod tidak mencukupi.

Fasal 14 menyatakan bahawa segala elaun yang dibayar secara tadbir hendaklah terhenti dibayar.

Fasal 15 membuat peruntukan mengenai pemulihan pencen.

Fasal 16 menyatakan bahawa Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai yang diberikuasa boleh menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang ini.

Fasal 17 memperuntukkan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

Jadual Pertama dan Jadual Kedua membuat peruntukan mengenai formula untuk penyelarasan di bawah Rang Undang-undang ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan, yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U²) 1046.]